

Cadangan Item Pendedahan Bagi Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

Mohd Fairuz Md Salleh*

Norida Basnan

Azlina Ahmad

Azizah Harun

Muhammad Arzim Naim

Hairunnizam Wahid

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v06.01.03.0042>

Pusat Perakaunan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Berdasarkan kerangka konseptual akauntabiliti dalam Islam dan *maqasid syariah*, artikel ini mencadangkan satu senarai item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Proses mengenalpasti item pendedahan ini mengambil kira dapatan kajian-kajian lepas yang berkaitan, pandangan pihak institusi wakaf, zakat dan baitulmal serta pandangan dari pakar-pakar perakaunan dan kewangan Islam dan pakar pengurusan wakaf. Dalam proses memuktamadkan senarai item pendedahan tersebut, setiap item pendedahan telah dipetakan dengan elemen-elemen *maqasid syariah* untuk memastikan setiap item yang dicadang memenuhi keperluan syariah. Selain itu, semakan perundangan khususnya enakmen kerajaan negeri yang berkaitan dibuat untuk memastikan tiada item pendedahan yang dicadangkan menyalahi atau tidak menepati apa yang telah ditetapkan dalam perundangan negeri berkenaan.

Seterusnya, pengesahan diperolehi dari pakar-pakar perakaunan dan kewangan Islam termasuk pakar dalam bidang *maqasid syariah* terhadap item-item pendedahan yang dicadangkan. Hasil dari proses tersebut, 156 item pendedahan dicadangkan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal.

Abstract

Based on the Islamic conceptual framework of accountability and the *maqasid syariah*, this paper proposes a list of disclosure items for the reporting of the institution of *waqf*, *zakat* and *baitulmal*. The process of identifying the disclosure items takes into account the findings of previous studies, the views of the institutions of *waqf*, *zakat* and *baitulmal* as well as the views of experts in accounting and finance and experts in *waqf* management. In the process of finalising the disclosure items, each item of disclosure has been mapped with the elements of *maqasid syariah* to ensure every item meets the requirements of syariah. Moreover, a legislative review was conducted, in particular related to the enactment of the relevant state governments to ensure that each item does conform to what is stipulated in the state legislation. Furthermore, pertaining to the proposed disclosure items, verification of experts in the field of Islamic Accounting and Finance as well as experts in the field of *Maqasid Syariah* was obtained. As a result of this process, 156 disclosure items were proposed for the reporting of *waqf*, *zakat* and *baitulmal* institutions.

*Penulis adalah pensyarah di Pusat Perakaunan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia. Projek penyelidikan ini telah dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Pengenalan

Pengurusan dana wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan diamanahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta agensi berkaitan yang diberi mandat oleh MAIN seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah, MAIN dan agensi di bawahnya memerlukan satu kerangka pelaporan kewangan dan piawaian perakaunan khusus bagi menyokong usaha mereka untuk melaksana dan menzahirkan akauntabiliti. Sebagai institusi berlandaskan Islam yang merupakan pemegang amanah dalam mentadbirkan wakaf, zakat dan baitulmal, MAIN dan agensi di bawahnya, bukan sahaja mempunyai akauntabiliti kepada masyarakat malah lebih penting ialah akauntabiliti kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, dalam pelaporan organisasi berkenaan seharusnya menyediakan maklumat yang benar dan saksama untuk tujuan pembuatan keputusan ekonomi dan agama serta membantu pihak pengurusan organisasi dalam memenuhi akauntabilitinya dalam konteks yang lebih luas (Haniffa & Hudaib 2002).

Kajian lepas mendapati tatacara perakaunan serta amalan pelaporan di kalangan MAIN dan agensi di bawahnya pada masa ini adalah tidak seragam dan secara umumnya institusi yang mengurus dana wakaf dan zakat ini mempunyai tahap pendedahan yang rendah (Siti Rokyah 2005; Hasan Basri & Siti Nabihah 2010). Selain itu, amalan pelaporan institusi berkenaan didapati kurang telus khususnya kepada penderma atau pemberi amanah (Hasan Basri & Siti Nabihah 2010).

Tahap pendedahan yang rendah ini telah mencetus krisis keyakinan terhadap institusi berkenaan. Akibatnya terdapat penderma/pemberi amanah yang mempersoal akauntabiliti institusi berkenaan, malah ramai juga yang enggan membayar zakat atau memilih untuk membayar terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat sebagai pengantara (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009; Patmawati 2008; Azman et al. 2012).

Sebagai institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir wakaf, zakat dan baitulmal, wajar bagi MAIN menepati pelaporan dari perspektif Islam, iaitu berdasarkan konsep akauntabiliti sosial dan konsep pendedahan penuh (Baydoun & Willet 1997, 2000; Haniffa 2002; Haniffa & Hudaib, 2002). Menurut Rosnia dan Zurina (2013), akauntabiliti memerlukan skop pelaporan yang lebih luas yang merangkumi pelaporan maklumat kuantitatif dan kualitatif, yang komprehensif dan berkualiti (Charity Commission, 2007). Justeru, kerangka konseptual akauntabiliti yang holistik dan *maqasid syariah* dijadikan sebagai asas dalam mencadangkan pelaporan bagi menepati peranan institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir urusan wakaf, zakat dan baitulmal. Artikel ini mencadangkan kandungan pelaporan institusi berkenaan dengan menyenaraikan item-item pendedahan berasaskan kerangka konseptual yang telah dibangunkan dan dilaporkan oleh kumpulan penyelidik dari Universiti Utara Malaysia¹. Proses yang terlibat dalam mengenalpasti item pendedahan berkenaan akan diperincikan selepas perbincangan tentang sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan. Perbincangan seterusnya adalah tentang dapatan kajian dan diakhiri dengan kesimpulan.

¹Artikel ini melaporkan sebahagian dapatan daripada satu kajian besar berkaitan pembangunan piawaian perakaunan bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal yang melibatkan tiga kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sorotan Karya

Dalam Islam, ulama melihat perakaunan sebagai “fungsi jaminan yang bertujuan untuk membentuk dan menjaga *al-adl* (keadilan sosio-ekonomi) dan *al-falah* (kejayaan di dunia dan akhirat) melalui prosedur formal, rutin, ukuran yang objektif, kawalan dan pelaporan yang memenuhi tuntutan syariah” (Haniffa & Hudaib, 2002). Ini menunjukkan perakaunan dari perspektif Islam adalah satu aktiviti yang berorientasikan nilai, pembangunan yang merangkumi aspek moral, spiritual, material dan sosial. Ini bermakna dalam Islam pendekatan holistik dipegang dalam pelaporan. Selain daripada itu, pelaporan tidak seharusnya memberi tumpuan kepada keperluan atau kepentingan mana-mana kumpulan tertentu, tetapi kepada masyarakat secara keseluruhan di mana entiti yang melapor perlu menzahirkan akauntabiliti yang tinggi terhadap tindakan mereka dan dalam mematuhi prinsip-prinsip syariah.

Al-Quran menegaskan “kepunyaan-Nya-lah kerajaan langit dan bumi. Dan kepada Allah dikembalikan [semua] perkara-perkara “(Al Hadid 57: 5). Ayat ini bermaksud semua kepunyaan manusia di muka bumi ini adalah suatu amanah, hanya daripada Tuhan dan manusia akan dipertanggungjawabkan untuk mengakaunkan tentang amanah tersebut. Ini membawa kepada konsep akauntabiliti yang mana seseorang individu bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan terhadap tindakan mereka pada hari kiamat. Kepentingan akauntabiliti dalam Islam seperti yang dinyatakan dalam al-Quran [2: 284] “Hanya kepunyaan Allah segala yang ada di langit dan di bumi, dan jika kamu mendedahkan apa yang ada dalam diri kamu sendiri atau menyembunyikan, nescaya Allah akan mengkehendaki kamu bertanggunggan terhadapnya”.

Dalam al-Quran juga ditekankan bahawa

apa-apa perbuatan, sama ada positif atau negatif malah sebesar zarah sekali pun, akan diukur dan diberi ganjaran sewajarnya. Sehubungan itu, Nahar dan Yaacob (2011) menyimpulkan bahawa perakaunan dan pelaporan dari perspektif Islam adalah penting untuk membina akauntabiliti yang lebih tinggi kerana ia memberi kesan kepada kehidupan seseorang muslim di dunia dan di akhirat. Justeru, Yaacob, Petra, Sumardi dan Nahar (2012), menekankan bahawa perakaunan Islam adalah untuk mengukuhkan hubungan antara perakaunan, pelaporan, dan akauntabiliti dari perspektif pandangan dunia Islam yang lebih meluas (*a wider perspective of Islamic world view*). Kenyataan ini adalah selari dengan Haniffa, Hudaib dan Mirza (2004) yang menjelaskan bahawa pelaksanaan dan penzahiran akauntabiliti adalah sebahagian daripada ibadah (penghambaan kepada Allah) dan amal soleh untuk mencapai *al-falah* (manfaat kepada manusia di dunia dan akhirat).

Dalam konteks perakaunan Islam, tujuan utama perakaunan dan pelaporan adalah untuk memastikan akauntabiliti telah dipenuhi dan dizahirkan dengan sebaiknya iaitu akauntabiliti kepada Allah S.W.T. dan akauntabiliti kepada individu lain dan masyarakat keseluruhan (Baydoun & Willet, 2000; Sahul, 2000), yang akhirnya bertujuan untuk mencapai keadilan dan akauntabiliti sosial (Sulaiman, 2001). Ini bermakna pelaporan bagi organisasi berlandaskan Islam seperti institusi wakaf, zakat dan baitulmal, yang bertujuan untuk menzahirkan akauntabiliti kepada Allah S.W.T. dan kepada manusia sejagat seharusnya pelaporan yang lebih terperinci dan meluas yang melangkaui pelaporan kewangan.

Selari dengan Haniffa dan Hudaib (2001), Sofyan (2003) menekankan bahawa selain daripada objektif kewangan, pelaporan maklumat tentang bagaimana sesebuah organisasi memenuhi tuntutan syariah

juga adalah penting. Pelaporan kewangan entiti Islam perlu menjadi perantara untuk mempromosikan nilai-nilai Islam yang merangkumi nilai-nilai etika, moral dan rohani. Yaacob et al. (2012) juga menekankan perakaunan dan pelaporan mengikut syariah adalah lebih daripada sekadar nombor dan aspek kuantitatif. Mereka berpendapat bahawa intipati perakaunan dan pelaporan bertindak sebagai 'ibadah' dan akauntan seharusnya melaporkan sebarang maklumat selagi ia adalah benar. Lain-lain maklumat berkaitan termasuk maklumat bukan kewangan juga perlu juga didedahkan sama ada ia diperlukan atau tidak oleh piawaian perakaunan. Ini bermakna, berdasarkan kerangka kerja akauntabiliti, pelaporan kewangan sahaja tidak mencukupi, sebaliknya entiti perlu mendedahkan sumbangan entiti kepada masyarakat iaitu maklumat sosial (Haniffa et al., 2004). Haniffa dan Hudaib (2002) telah mencadangkan lima aspek dalam pelaporan sosial iaitu (1) pembiayaan dan pelaburan (maklumat yang didedahkan menunjukkan sama ada pembiayaan dan pelaburan tidak melibatkan unsur riba dan gharar), (2) produk/perkhidmatan (tanggungjawab entiti untuk dedahkan produk atau perkhidmatan yang terlibat dalam kategori haram atau meragukan), (3) pekerja (maklumat menunjukkan entiti telah menjaga kebajikan pekerja dan hak mereka dipenuhi), (4) masyarakat (maklumat menunjukkan keperluan ummah atau masyarakat dipenuhi seperti derma, sedekah, pembangunan wakaf dan biasiswa), dan (5) persekitaran (maklumat menunjukkan keprihatinan entiti dalam melindungi alam sekitar). Sebagai tambahan Othman dan Md. Thani (2010) telah mencadangkan maklumat berkaitan tadbir urus entiti/organisasi turut didedahkan.

Haniffa et al. (2004) telah mengutarakan satu polisi pendedahan dari perspektif Islam iaitu pendedahan maklumat yang dapat membantu pembuatan keputusan ekonomi

dan keputusan berkaitan agama. Menurut mereka maklumat yang didedahkan perlu mempunyai kriteria kualiti iaitu (1) relevan – maklumat yang tepat dan yang menunjukkan pihak-pihak yang terlibat telah memenuhi kontrak (*duties and obligations*) mereka kepada Allah, masyarakat, individu tertentu dan persekitaran, (2) objektif - maklumat berdasarkan ukuran yang adil (Quran: Al-Hadid 57:25) dan mematuhi syariah terutamanya berkaitan hal-hal kewangan seperti zakat, keuntungan, hutang dan lain-lain transaksi kewangan dan (3) material - maklumat yang menunjukkan keadilan dalam penilaian dan maklumat yang menunjukkan hak Allah, masyarakat dan individu telah dipenuhi.

Khusus bagi institusi zakat, Raedah, Siti Normala dan Sherliza (2014) mencadangkan senarai item-item pendedahan zakat bagi menangani isu akauntabiliti institusi berkenaan. Menurut Raedah et al. (2014) pembayar zakat ingin melihat maklumat yang berkaitan dengan kutipan dan agihan dana zakat dalam laporan tahunan secara lebih terperinci. Selain maklumat kewangan, maklumat bukan kewangan juga dicadangkan untuk didedahkan seperti maklumat mengenai ke mana dan bagaimana kutipan zakat diagihkan dan sama ada pengagihan telah meliputi kesemua lapan kategori asnaf yang layak sebagai penerima zakat. Agihan kepada lapan kategori asnaf ini dijelaskan melalui firman Allah dalam surah At-Taubah ayat 60 “Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban daripada Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana”. Oleh yang demikian, untuk memastikan akauntabiliti dan ketelusan yang lebih tinggi daripada institusi zakat dapat dizahirkan,

pendedahan terperinci termasuk berkaitan kutipan dan agihan zakat adalah penting (Raedah et al, 2014; Saunah, Ruhaya & Wah, 2012). Selain itu, Sheila dan Syed Ahmed Salman (2014) mencadangkan, bagi tujuan akauntabiliti, pelaporan institusi zakat perlu mengambilkira keperluan pihak berkepentingan yang terdiri daripada maklumat yang meliputi tujuh kategori iaitu polisi perakaunan dan perubahan, lembaga pemegang amanah, pengurusan risiko, kenyataan tentang kawalan dalaman, intipati penting, pendedahan kutipan dan agihan zakat dan penyata aliran tunai. Isu akauntabiliti bukan sahaja berkaitan dengan institusi zakat, institusi yang menguruskan wakaf juga tidak terkecuali dalam perkara ini. Pengurangan dalam pewakafan dipercayai berpunca daripada isu akauntabiliti yang masih terus dipersoalkan. Abdul Rahim et al.(1999) dalam kajian beliau berkaitan sistem perakaunan dan pengurusan yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia telah mendapati kekurangan dalam sistem perakaunan bagi aset wakaf, pengurusan aset yang tidak sistematik dan maklumat mengenai aset wakaf yang tidak terperinci. Kajian oleh Abdul Rahim et al., (1999) ini kemudiannya dikembangkan oleh Siti Rokyah (2005) yang menentukan tahap pendedahan maklumat wakaf antara MAIN. Kajian beliau mendapati pendedahan dalam laporan tahunan MAIN berada pada tahap yang rendah. Walaupun sesetengah MAIN mempunyai tahap pendedahan yang lebih tinggi, majoriti MAIN gagal menyediakan akaun berasingan bagi aset wakaf. Mereka mendapati kelemahan ini disebabkan tiadanya garis panduan khusus bagi penyediaan laporan aset wakaf. Dapatan kajian ini adalah selari dengan Hisham (2006) yang turut mendapati tiada penyediaan penyata kewangan berasingan untuk wakaf dan tiada pelaporan tentang pelbagai jenis aset wakaf.

Khusus bagi pelaporan wakaf, peruntukan

dalam *the Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) Sharia Standards* 33 juga boleh dijadikan panduan. Menurut piawaian tersebut, antara maklumat tentang wakaf yang perlu didedahkan ialah maklumat berkaitan jenis-jenis wakaf, harta yang diwakafkan, penyeliaan dan pengurusan wakaf, penyenggaraan harta wakaf serta bentuk pajakan wakaf yang dibenarkan.

Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan, isu akauntabiliti terutama berkaitan wakaf dan zakat ini menunjukkan betapa perlunya satu garis panduan khusus bagi pelaporan oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal bagi memastikan pelaksanaan dan penzahiran akauntabiliti mereka kepada Allah S.W.T dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat dapat sentiasa diperkasa dan dipelihara.

Metodologi

Artikel ini bertujuan untuk mencadangkan satu senarai atau senarai item item pendedahan dalam pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal bagi tujuan akauntabiliti. Proses pembangunan senarai item pendedahan ini diperincikan dalam bahagian seterusnya.

Pembangunan Senarai Item-Item Pendedahan

Senarai item pendedahan telah diiktiraf dalam kajian lepas sebagai satu alat kajian yang praktikal (Hooks, Tooley & Basnan,. 2012; Botosan 1997; Cheng 1992), walaupun dalam mengenalpasti dan membuat pilihan item-item yang disenaraikan dalam senarai item berkenaan melibatkan elemen subjektiviti (Botosan, 1997; Marston & Shrivess, 1991).

Senarai item pendedahan dalam pelaporan institusi zakat, wakaf dan baitulmal bagi tujuan akauntabiliti dibangunkan dengan berpegang kepada keperluan pencapaian Maqasid Syariah iaitu matlamat yang

ditetapkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum. Menurut Imam Al-Ghazali *maqasid syariah* adalah untuk menggalakkan kesejahteraan seluruh manusia, dengan menjaga lima perkara pokok iaitu (1) *ad-deen* (agama) - pemeliharaan/perindungan agama dalam semua keadaan, (2) *an-nafs* (jiwa/nyawa) - pemeliharaan dan perlindungan keselamatan nyawa manusia dalam semua keadaan, (3) *al-a'qal* (akal)-pemeliharaan dan perlindungan intelek dan minda dalam semua keadaan daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan dan menjejaskan fungsi serta keupayaan berfikir (4) *an-nasl* (keturunan)-pemeliharaan dan perlindungan keturunan dan kehormatan dalam semua keadaan dan (5) *al-mal* (harta) - pemeliharaan dan perlindungan harta dalam semua keadaan. Boleh dirumuskan, *maqasid syariah* ini merujuk kepada matlamat yang ingin dicapai oleh syariah ketika menetapkan hukum dengan memberi penekanan kepada pencapaian keadilan sosio-ekonomi iaitu *al-falah* yang menjadi asas kepada objektif perakaunan Islam (Haniffa & Hudaib, 2002). Ringkasnya *maqasid syariah* ini bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia keseluruhannya.

Cendekiawan/ulama Islam telah membahagikan kepentingan/darjah keutamaan dalam menjaga kemaslahatan kepada tiga kategori iaitu *daruriyyat* (paling penting), *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* (kurang penting). *Daruriyyat* merujuk kepada keperluan utama manusia dan berkait rapat dengan kelangsungan agama dan kehidupan manusia yang tanpanya akan membinasakan agama dan kehidupan tersebut. *Hajiyyat* adalah keperluan utama manusia berkaitan agama dan kehidupan yang tanpanya tidaklah sampai membinasakan seperti *Daruriyyat* tetapi boleh mendatangkan kesulitan dan kesukaran dalam kehidupan manusia dan pengamalan agama

mereka. *Tahsiniyyat* pula adalah perkara yang dikehendaki oleh maruah dan dipandang baik oleh manusia. Tanpanya tidaklah sampai memberi kemudahan kepada manusia dan kehidupan (Zaharuddin, 2014).

Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Pelaporan

Bagaimana *maqasid syariah* ini diaplikasikan dalam konteks perakaunan khususnya pelaporan? Pengaplikasian ini bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan tetapi bukan juga sesuatu yang mustahil. Seperti yang dinyatakan oleh Zaharuddin (2016) dalam penulisannya bertajuk "Maqasid Al-Shariah sebagai mekanisme ijtihad kontemporari: Suatu pengenalan", *Maqasid Syariah* berkait rapat dengan keperluan menjaga masalah atau kepentingan dan kebaikan untuk agama dan seluruhnya, serta kewajiban menolak elemen kemudharatan terhadap agama dan manusia. Dari aspek ini, pelaporan dalam konteks perakaunan Islam boleh dijadikan sebagai satu medium untuk menjaga kepentingan agama dan manusia seluruhnya kerana melalui pelaporan ini, akauntabiliti sesebuah entiti atau seseorang individu yang telah diberi amanah dan tanggungjawab boleh dizahirkan. Jadual 1 memperincikan cadangan pengaplikasian *maqasid syariah* dalam pelaporan. Aplikasi *maqasid syariah* dalam pelaporan ini telah melalui proses perbincangan dan rujukan yang rapi (*rigorous*) dengan pakar perakaunan dan kewangan Islam dan juga pakar khusus dalam *Maqasid Syariah*.² Daripada segi kategori kepentingan atau darjah keutamaan, jika diaplikasikan dalam konteks pelaporan, *Daruriyyat* adalah tahap paling atas yang mana pendedahan dalam pelaporan pada tahap ini adalah pendedahan 'wajib' yang melibatkan pendedahan maklumat asas. Maklumat asas ini mesti didedahkan oleh semua

² Pakar-pakar tersebut adalah Datuk Dr. Haron Din, Dato' Dr. Hailani Muji Tahir dan Dr. Zaharuddin Abd. Rahman. (Rujuk Lampiran 1 untuk biodata pakar)

Jadual 1: Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Pelaporan

MAQASID SYARIAH	INTERPRETASI DALAM KONTEKS PELAPORAN
Ad-Deen (Agama)	Pembentukan dan penjagaan agama Islam supaya kekal • Peningkatan rasa ketaqwaan dan akauntabiliti dalam urus tadbir termasuk urus tadbir wang amanah, pelaporan yang jelas dan pengauditan • Penggubalan dan pengaplikasian fatwa • Pengurusan zakat dan wakaf secara patuh syariah • Pengurusan kewangan (akaun, pelaburan, pembiayaan dll) secara patuh syariah • Pembentukan jawatankuasa syariah
An-Nafs (Nyawa)	Penjagaan nyawa individu dan institusi (supaya kekal berfungsi) • Kualiti hidup • Alam sekitar • Keadilan dan kesaksamaan termasuk dari aspek agihan zakat dan manfaat wakaf • Tanggungjawab sosial korporat (CSR)
Al-A'qal (Akal)	Penjagaan 'aql/intelektual individu (pekerja) dan institusi • Pembelajaran sepanjang hayat • Pendidikan dan latihan untuk pekerja • Pendidikan untuk masyarakat keseluruhan • Persekitaran pekerjaan/prasarana yang cekap (termasuk sistem perakaunan dan prosedur operasi standad (SOP))
An-Nasl (Keturunan) (termasuk muruah (maruah))	Penjagaan kualiti hidup dan maruah/reputasi institusi • Keperluan asas individu dan keluarga • Kelangsungan ekonomi untuk generasi masa depan • Kelangsungan institusi
Al-Mal (Harta)	Pengurusan harta individu dan institusi • Memenuhi keperluan insan • Memastikan harta adalah aktif/berkitaran (circulated) • Kejelasan sumber pendapatan dan pemilikan • Keadilan dalam agihan pendapatan • Ketelusan dasar • Mengurangkan jurang pendapatan (cth.melalui skim bantuan pekerja) • Melibatkan hanya institusi kewangan Islam • Perincian pendapatan dan kontrak • Kebajikan sosial

institusi yang terlibat bagi mencapai tujuan pelaporan iaitu untuk pembuatan keputusan dan untuk penzahiran akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan masyarakat sejagat. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut dalam laporan boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak tercapai dan boleh memberi implikasi buruk kepada manusia dan pengguna laporan khususnya. Mengikut pandangan Al-Syatibi (1975), darjah *Daruriyyat* ini memenuhi semua lima elemen *Maqasid Syariah*.

Darjah *Hajiyyat* dalam konteks pelaporan adalah penting untuk menambah pemahaman. Berdasarkan darjah keutamaan ini, pendedahan maklumat ini akan memberi penjelasan kepada maklumat asas dan akan mewujudkan kemudahan serta kelapangan kepada pihak berkepentingan khususnya pengguna laporan. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak dapat dicapai dengan sempurna dan boleh memberi sedikit kesusahan atau kekeliruan kepada pengguna laporan.

Manakala darjah *Tahsiniyyat* adalah darjah keutamaan yang paling rendah yang mana pendedahan maklumat adalah bagi tujuan pengukuhan kepada pendedahan yang sedia ada. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut tidak menjejaskan pencapaian tujuan pelaporan tetapi lebih membantu memperkukuhkan cara entiti pelapor menzahirkan (*discharge*) akauntabiliti.


Contoh yang paling jelas untuk mengaplikasikan darjah keutamaan ini adalah pendedahan maklumat agihan zakat. Pendedahan maklumat tentang agihan zakat kepada 8 kategori asnaf seperti yang disyariatkan dalam Islam adalah menepati darjah *Darruriyah* iaitu pendedahan yang mesti dilaksanakan. Pendedahan maklumat terperinci bagi setiap kategori asnaf dalam nota kepada akaun adalah menepati darjah

Hajiyyat iaitu untuk memberi penjelasan kepada maklumat asas untuk memudahkan pihak berkepentingan khususnya pengguna pelaporan dalam membuat keputusan dan untuk menjelaskan lagi penzahiran akauntabiliti. Agihan zakat digambarkan dalam bentuk rajah, carta atau graf adalah elemen-elemen tambahan yang menepati darjah keutamaan *Tahsiniyyat* yang bertujuan untuk mengukuhkan pendedahan maklumat agihan zakat.

Proses Pembangunan Senarai Item Pendedahan

Dalam membangunkan senarai item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal, lima langkah telah melibatkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Proses Pembangunan Senarai item Pendedahan



Langkah 1: Pengenalpastian item-item pendedahan

Pengenalpastian item pendedahan berkenaan bermula dengan deraf awal senarai yang terdiri daripada 119 item di bawah 5 kategori utama dengan sub-kategori masing-masing iaitu (1) Maklumat Institusi (sub-kategori – Maklumat Asas Institusi, Polisi Perakaunan dan Perubahan, Lembaga Pemegang Amanah, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Kawalan Dalaman, Tadbir Urus, Pekerja dan Pekerjaan, Persekitaran/Alam Sekitar, Masyarakat), (2) Maklumat Zakat (sub-kategori – Serlahan Penting, Kutipan Zakat, Agihan Zakat, Lebihan Kutipan, Penyata Sumber dan Agihan Zakat), (3) Maklumat Wakaf (sub-kategori – Serlahan Penting, Penerimaan Wakaf, Pengekalan 'Ain Harta Wakaf, Istibdal (pertukaran) Harta Wakaf, Pembangunan/Pelaburan Harta Wakaf, Penyata Penerimaan dan Penggunaan Wakaf), (4) Maklumat Baitulmal (sub-kategori – Serlahan Penting, Hasil/Terimaan dan Perbelanjaan/Bayaran Baitulmal, Penyata Terimaan/Hasil dan Perbelanjaan/Pembayaran Baitulmal) dan (5) Penyata Kewangan Institusi (sub-kategori – Penyata Prestasi Kewangan (termasuk nota kepada akaun), Penyata Kedudukan Kewangan (termasuk nota kepada akaun), Penyata Aliran Tunai (termasuk nota kepada akaun), Penyata Perubahan Ekuiti (termasuk nota kepada akaun). Item-item ini dikenalpasti berdasarkan Al-Quran, Hadith, Ijma' dan/atau Qiyas, dapatan kajian lepas berkaitan perakaunan dan pelaporan dari perspektif Islam serta cadangan pendedahan oleh AAOIFI *Sharia Standards*.

Langkah 2: Pandangan daripada pihak institusi wakaf, zakat dan baitulmal, pakar perakaunan dan kewangan Islam serta pakar pengurusan wakaf

Deraf awal senarai item pendedahan yang mengandungi 119 item itu telah diedarkan kepada MAIN yang berkaitan untuk mendapatkan pandangan mereka yang terlibat secara langsung dengan perakaunan dan pelaporan tentang item-item pendedahan dalam senarai awal item berkenaan. Selain daripada pihak institusi, deraf awal senarai item pendedahan berkenaan juga telah diedarkan kepada empat pakar terdiri daripada pakar perakaunan dan kewangan Islam serta pakar dalam pengurusan wakaf³. Mereka telah diminta untuk memberi pandangan sama ada bersetuju atau tidak dengan item-item yang dicadangkan untuk didedahkan dalam laporan tahunan MAIN atau agensi berkaitan wakaf, zakat dan/atau baitulmal di bawah MAIN. Mereka juga diberi peluang untuk mencadangkan item-item lain yang tiada dalam deraf awal senarai item tetapi pada pandangan mereka perlu untuk didedahkan.

Selepas pandangan daripada pihak institusi dan pakar diperolehi, pindaan dibuat terhadap deraf awal senarai item pendedahan yang mana terdapat item pendedahan dalam deraf berkenaan yang sama maksud/bertindih dan tidak relevan dengan ciri dan persekitaran institusi berkenaan. Item-item ini dikeluarkan dan sebahagian item lain ditambah mengikut cadangan pihak institusi dan pakar. Pindaan ini dibuat berdasarkan pandangan bahawa akan terdapat kekurangan jika hanya mengambilkira item pendedahan yang dikehendaki sahaja (Copeland & Ingram, 1983) tetapi perlu juga mengambilkira kebergunaan dan kesesuaian item pendedahan berkenaan (Robbins & Austin,

³ Pakar-pakar yang terlibat adalah Dato' Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Prof Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman, Puan Azizah Abdul Rahman dan En. Hafidzamzahry Othman (rujuk Lampiran 1 untuk biodata pakar).

1989), dalam kes ini mengikut persekitaran institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Item-item dalam deraf awal yang telah dikeluarkan antaranya adalah 'tujuan agihan zakat/ke mana zakat diagihkan' 'penyata kedudukan kewangan pada nilai semasa' dan proses kelulusan dalam mengagihkan zakat bagi setiap kategori'. Manakala antara item-item baru yang telah ditambah adalah 'polisi perakaunan untuk zakat', 'polisi perakaunan untuk wakaf', 'intipati fatwa semasa berkaitan wakaf/zakat/baitulmal' 'kelayakan dan pengalaman ahli lembaga pengarah, skop kerja jawatankuasa penasihat syariah', 'skop kerja jawatankuasa fatwa', 'amaun kutipan mengikut lokasi', 'amaun kutipan mengikut sektor', 'indikator prestasi kutipan (termasuk ukuran kecekapan dan keberhasilan)', 'agihan mengikut lokasi bandar dan luar bandar', 'jawatankuasa pembangunan/pelaburan wakaf' dan 'penyata berasingan bagi kumpulan wang wakaf, zakat dan baitulmal'. Selain pengguguran dan penambahan item kepada deraf awal senarai item, bagi tujuan kejelasan, sub-kategori disusun semula dan perkataan-perkataan yang mengelirukan atau kabur maksudnya diganti dengan perkataan yang lebih jelas.

Langkah 3: Pemetaan senarai item pendedahan dengan Maqasid Syariah

Pada peringkat ini, setiap item pendedahan dalam deraf senarai item pendedahan yang telah dibuat pindaan dalam Langkah 2 dipetakan dengan *Maqasid Syariah* yang diaplikasikan dalam pelaporan seperti yang telah dibincangkan di atas. Tujuan pemetaan ini adalah untuk memastikan setiap item yang dicadangkan memenuhi tuntutan syariah agar keseluruhan pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal adalah berlandaskan prinsip perakaunan dan pelaporan Islam dalam memenuhi tuntutan akauntabiliti secara holistik melalui pelaporan. Selain pemetaan berdasarkan 5 elemen dalam *Maqasid Syariah* iaitu agama, jiwa/nyawa,

akal, keturunan dan harta, darjah keutamaan untuk kemaslahatan ummah atau masyarakat sejagat seperti yang dibincangkan sebelum ini juga diambilkira.

Hasil pemetaan tersebut boleh dirumuskan bahawa kesemua item pendedahan telah memenuhi keperluan sekurang-kurangnya satu elemen *Maqasid Syariah*. Kebanyakan item pendedahan memenuhi elemen *Maqasid Syariah* penjagaan harta pada darjah keutamaan *Daruriyyat*. Secara dasarnya, sekiranya elemen penjagaan harta telah dipenuhi, tuntutan penjagaan jiwa/nyawa, akal, keturunan dan agama juga turut dipenuhi. Harus juga dinyatakan bahawa pemetaan senarai item pendedahan dengan *Maqasid Syariah* dan darjah keutamaan *Daruriyyat*, *Hajiyyat* dan *Tahsiniyyat* ini melibatkan elemen subjektiviti. Individu yang berbeza mungkin mendapat hasil pemetaan yang berbeza. Walau bagaimanapun, senarai item pendedahan dengan pemetaan *Maqasid Syariah* yang telah mengambilkira pandangan dan pengesahan pakar ini sekurang-kurangnya dapat dijadikan garis panduan untuk membangunkan piawaian perakaunan khusus bagi wakaf, zakat dan baitulmal khususnya dari segi pelaporan. Pemetaan senarai item pendedahan dengan *Maqasid Syariah* boleh dirujuk kepada Lampiran 2.

Langkah 4: Semakan perundangan (Enakmen Negeri)

Dalam proses semakan perundangan, enakmen yang digunapakai oleh kerajaan negeri yang telah dirujuk adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (khususnya bagi pengurusan kewangan baitulmal, wakaf dan zakat), Enakmen Wakaf (bagi negeri-negeri yang mempunyai enakmen khusus untuk wakaf seperti negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka), Enakmen Zakat dan Fitrah serta Enakmen Perbadanan Baitulmal (bagi negeri yang mempunyai enakmen

husus tentang zakat dan baitulmal seperti negeri Sabah). Daripada semakan perundangan berkenaan, boleh dirumuskan (sekurang-kurangnya bagi negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah) bahawa bagi wakaf, enakmen negeri telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Bagi negeri-negeri yang mempunyai enakmen khusus untuk wakaf, mengkehendaki satu kumpulan khusus untuk wakaf diwujudkan dan belanja atau bayaran tertentu yang telah dikenalpasti hendaklah dibayar dari akaun kumpulan wakaf ini seperti kos pentadbiran harta wakaf. Penyata khusus untuk kumpulan wang wakaf ini telah dicadangkan dalam senarai item pendedahan yang dibangunkan. Bagi zakat pula, enakmen negeri yang terlibat memberi fokus kepada kutipan zakat seperti kuasa mengutip, lantikan amil bertauliah, manakala bagi baitulmal, enakmen negeri berkaitan jelas memperuntukkan bahawa semua wang dan harta baitulmal adalah hak MAIN dan MAIN perlu mentadbirkan wang dan harta baitulmal tersebut mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhan, enakmen negeri yang disemak tidak mempunyai sebarang klausa yang menghalang perkara/item tertentu didedahkan kepada umum. Malah, terdapat juga perkara/item tertentu yang dinyatakan dalam enakmen perlu disiarkan dalam warta contohnya senarai harta wakaf dan pelaburan harta wakaf, penyata akaun setiap tahun dan anggaran pendapatan dan perbelanjaan (belanjawan) yang telah diluluskan. Penyiaran dalam warta menandakan maklumat tersebut telah menjadi maklumat awam. Maklumat belanjawan tidak terdapat dalam senarai deraf awal senarai item dan

deraf senarai item pindaan dalam Langkah 2. Ia merupakan item tambahan baru yang dimasukkan dalam senarai item pendedahan yang di bawa kepada proses seterusnya dalam Langkah 5.

Langkah 5: Pengesahan item pendedahan oleh pakar perakaunan dan kewangan Islam

Langkah terakhir ini adalah langkah penting untuk memuktamadkan senarai item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal yang memenuhi tuntutan syariah, sekaligus memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat. Pada peringkat ini senarai item pendedahan dan hasil pemetaan senarai item dengan *maqasid syariah* sekali lagi dibawa kepada pakar perakaunan dan kewangan Islam⁴ untuk mendapatkan pandangan dan pengesahan mereka. Berdasarkan pandangan pakar dalam langkah terakhir ini, sedikit pindaan telah dibuat dengan memasukkan item pendedahan berkaitan maklumat tentang urusniga/aktiviti melibatkan pihak berkaitan (*related-party transactions*) dan maklumat tentang kod pengendalian (*code of conduct*)/prosedur operasi piawaian (*standard operating procedure*). Justifikasi yang dikemukakan oleh pakar adalah penambahan item-item ini selaras dengan pencapaian *maqasid syariah* khususnya bagi melengkapkan penjagaan *an-nasl* (keturunan) dan maruah institusi. Hasil daripada langkah terakhir ini adalah senarai item pendedahan yang mengandungi 156 item. Senarai item pendedahan bersama pemetaannya dengan *maqasid syariah* disertakan dalam Lampiran 2.

⁴ Pakar yang terlibat ialah Prof Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman dan Dr. Zaharuddin Abdul Rahman (Rujuk Lampiran 1 untuk biodata pakar).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Artikel ini bertujuan untuk mencadangkan senarai item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Institusi yang dimaksudkan di sini boleh jadi satu entiti yang mentadbirkan ketiga-tiga wakaf, zakat dan baitulmal dan boleh jadi juga entiti yang berasingan. Bagi sesetengah negeri seperti Johor, institusi yang mentadbir ketiga-tiga wakaf, zakat dan baitulmal adalah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). MAIJ tidak mempunyai pentadbiran wakaf dan/atau zakat di bawah pentadbiran berasingan seperti yang diamalkan oleh negeri Selangor yang meletakkan pentadbiran wakaf di bawah Perbadanan Wakaf Selangor dan pentadbiran zakat di bawah Lembaga Zakat Selangor. Terdapat juga negeri seperti Sabah yang meletakkan pentadbiran baitulmal di bawah agensinya iaitu Perbadanan Baitulmal Sabah manakala pentadbiran wakaf dan zakat di bawah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Setelah melalui proses pembangunan yang melibatkan 5 langkah seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, satu senarai akhir yang mengandungi item-item yang perlu didedahkan dalam laporan tahunan institusi berkenaan dicadangkan. Senarai item pendedahan ini terdiri daripada 156 item di bawah 6 kategori utama dengan 29 sub-kategori bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal.

Senarai item pendedahan yang dicadangkan ini secara keseluruhannya melibatkan pendedahan yang komprehensif yang meliputi item kewangan dan bukan kewangan. Pendedahan item kewangan dan bukan kewangan ini penting bagi menzahirkan akauntabiliti secara holistik melalui pelaporan.

Kategori A: Maklumat Institusi

Kategori A (rujuk Lampiran 2) terdiri daripada item pendedahan berkaitan institusi yang mentadbir wakaf, zakat dan baitulmal. Item pendedahan di bawah kategori ini merujuk kepada maklumat terperinci tentang peranan, struktur dan tadbir urus organisasi termasuk struktur Lembaga Pengarah atau Lembaga Pemegang Amanahnya. Untuk memastikan pencapaian *maqasid syariah* khususnya dalam membina dan memelihara agama Islam, maklumat tentang jawatankuasa syariah dan jawatankuasa fatwa adalah dicadangkan. Secara khususnya, maklumat mengenai latar belakang individu yang terlibat serta peranan mereka perlu didedahkan. Selain itu, di bawah kategori ini juga maklumat tentang pengurusan risiko dan kawalan dalaman juga penting dilaporkan untuk menunjukkan sejauhmana institusi berkenaan telah mengambil langkah untuk memastikan kelangsungan peranan mereka sebagai pemegang amanah khususnya amanah wakaf dan zakat. Bukan setakat untuk memelihara kelangsungan institusi sahaja, keprihatinan dan akauntabiliti institusi kepada individu termasuk pekerja, masyarakat umum dan alam sekitar juga ditekankan dengan mencadangkan pendedahan maklumat berkaitan perkara tersebut. Untuk menunjukkan ketelusan dan menjaga maruah institusi, maklumat tentang sebarang urusaniaga/aktiviti yang melibatkan pihak yang mempunyai kaitan dengan institusi atau individu penting dalam institusi juga turut dicadangkan. Sub-kategori terakhir item pendedahan yang dicadangkan di bawah kategori ini adalah 'polisi perakaunan dan perubahan'. Maklumat tentang polisi perakaunan dan perubahan ini adalah penting untuk memastikan akauntabiliti institusi dalam menguruskan amanah dan harta wakaf, zakat dan baitulmal sentiasa dipelihara.

Kategori B: Maklumat Zakat

Item pendedahan di bawah kategori Maklumat Zakat (rujuk Lampiran 2) yang dicadangkan ini meliputi yang utamanya tentang kutipan dan agihan zakat selain maklumat tentang lebihan kutipan zakat yang belum diagihkan. Sebelum perincian tentang maklumat kutipan dan agihan zakat, sub-kategori 'serlahan penting' juga dicadangkan. Item pendedahan di bawah serlahan penting ini perlu untuk mendapatkan gambaran ringkas dan padat berkaitan zakat. Item-item di bawah kategori Maklumat Zakat ini penting dan perlu didedahkan dalam pelaporan institusi untuk menunjukkan bahawa zakat yang dikutip perlu diagihkan oleh institusi sebagai amil mengikut hukum yang telah disyariatkan. Pendedahan ini dapat menunjukkan sejauh mana amanah zakat telah diuruskan dengan baik. Seterusnya pendedahan yang dicadangkan ini dapat menzahirkan akauntabiliti institusi terhadap pengurusan zakat yang telah diamanahkan agar pencapaian *maqasid syariah* dapat direalisasikan dalam konteks pelaporan sesebuah institusi yang berlandaskan prinsip Islam.

Kategori C: Maklumat Wakaf

Selain pengurusan zakat, institusi berkaitan juga diamanahkan untuk memastikan pengurusan wakaf dapat dilaksanakan dengan baik, telus dan penuh tanggungjawab. Item pendedahan yang dicadangkan di bawah kategori ini (rujuk Lampiran 2) meliputi semua aspek pengurusan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas dan wakaf tunai atau wakaf harta dari penerimaan wakaf, pengekalan 'ain wakaf, pembangunan/ pelaburan harta wakaf serta pertukaran (*istibdal*) harta wakaf. Item pendedahan berkaitan wakaf ini penting agar institusi jelas dapat menunjukkan bahawa harta wakaf telah dipelihara dan diuruskan dengan baik selaras dengan pencapaian *maqasid syariah*

khususnya dari aspek penjagaan harta dan seterusnya dari aspek penjagaan *an-nasl*, dalam memelihara kelangsungan hidup waris atau keturunan pewakaf.

Kategori D: Maklumat Baitulmal

Selain wakaf dan zakat, sumber-sumber lain institusi berlandaskan Islam juga penting untuk diakaun dan dilaporkan dengan baik bagi kemaslahatan masyarakat keseluruhan khususnya umat Islam. Sumber-sumber ini juga menjadi pemangkin untuk pembangunan sosial dan ekonomi yang seterusnya dapat menegakkan dan memelihara agama Islam. Institusi yang telah diamanahkan untuk menguruskan sumber baitulmal ini perlu menunjukkan bahawa mereka telah menjalankan amanah dengan baik dan penuh rasa tanggungjawab. Justeru, pendedahan terperinci tentang pengurusan sumber baitulmal dicadangkan (seperti Lampiran 2) agar institusi dapat menzahirkan akauntabilitinya dalam pengurusan sumber baitulmal selaras dengan *maqasid syariah*.

Kategori E: Penyata Kewangan

Paling penting dalam bahagian ini ialah pendedahan yang berasingan bagi setiap penyata kumpulan wang iaitu penyata kumpulan wang zakat, penyata kumpulan wang wakaf dan penyata kumpulan wang baitulmal. Cadangan pengasingan ini adalah selaras dengan konsep perakaunan dana (*fund accounting*) yang mana setiap dana atau kumpulan wang merupakan satu entiti yang berasingan. Ia juga selari dengan apa yang dicadangkan oleh *Statement of Recommended Practice* (SORP) bagi organisasi amal di United Kingdom dan Ireland Utara yang mengkehendaki setiap dana organisasi amal ini diakaun dan dilaporkan secara berasingan.

Adalah dicadangkan Penyata Kumpulan Wang Zakat perlu jelas menunjukkan amaun

kutipan dan agihan zakat dalam tahun semasa selaras dengan tuntutan syariah bahawa semua kutipan zakat perlu diagihkan pada tahun yang sama kepada kumpulan asnaf yang telah disyariatkan. Walau bagaimanapun, daripada segi amalan, boleh dikatakan semua institusi yang mentadbir zakat mempunyai amaun zakat yang belum diagihkan yang perlu jelas ditunjukkan dalam penyata kewangan. Amaun zakat belum agih ini akan menjadi liabiliti kepada institusi zakat selagi ia belum diagihkan sepenuhnya. Sebab utama terdapatnya amaun zakat yang tidak dapat diagihkan dalam sesuatu tahun ialah ada sebahagian zakat dikutip menjelang akhir tahun. Sebab lain ialah, adalah menjadi polisi institusi berkenaan untuk meninggalkan amaun baki kutipan zakat yang tertentu untuk menjelaskan komitmen tetapi yang akan dilaksanakan pada awal-awal tahun berikutnya, sementara zakat pada tahun tersebut dapat dikutip. Bagi wakaf, oleh kerana wakaf diterima dalam bentuk tunai dan hartanah dan harta wakaf boleh dibangun/dimajukan untuk menjanakan hasil, satu set penyata kewangan lengkap bagi kumpulan wang wakaf adalah dicadangkan untuk dilaporkan. Begitu juga dengan kumpulan wang baitulmal, dicadangkan satu set penyata kewangan lengkap perlu dilaporkan.

Selain penyata berasingan bagi setiap kumpulan wang, penyata kewangan bagi institusi induk iaitu MAIN juga perlu dilaporkan. Melalui pendedahan dalam penyata kewangan MAIN inilah maklumat kewangan yang disatukan dapat dijelaskan.

Kategori F: Maklumat Belanjawan

Pendedahan maklumat belanjawan ini adalah penting untuk mengetahui amaun hasil dan belanja yang telah dianggarkan. Dengan pendedahan maklumat ini, perbandingan dengan amaun sebenar dapat dibuat. Maklumat ini penting untuk menentukan

sejauh mana institusi telah dapat memenuhi apa yang telah dianggarkan dan langkah-langkah pembaikan boleh dilakukan sekiranya didapati amaun sebenar tidak menepati seperti mana yang telah dianggar atau dibelanjawankan. Seterusnya, melalui pendedahan maklumat ini, kecekapan institusi dalam menguruskan operasinya khususnya dalam konteks kajian ini dari aspek pengurusan wakaf, zakat dan baitulmal dapat ditentukan. Cadangan pendedahan maklumat ini adalah selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Negeri yang membenarkan amaun anggaran yang telah diluluskan disiarkan dalam warta iaitu dokumen yang boleh diakses oleh pihak awam. Pendedahan maklumat belanjawan ini juga selaras dengan keperluan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 1 yang mengkehendaki penyata belanjawan atau maklumat belanjawan didedahkan di samping penyata kewangan yang lain.

Kesimpulan

Usaha untuk membangunkan kerangka pelaporan dan piawaian perakaunan khusus bagi wakaf, zakat dan baitulmal adalah satu usaha yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan institusi ini sebagai pemegang amanah yang telus dan berakauntabiliti tinggi bukan sahaja kepada masyarakat keseluruhan tetapi yang paling utama akauntabiliti kepada Allah S.W.T. Pelaporan yang dapat memenuhi tuntutan akauntabiliti yang holistik ini adalah penting untuk disediakan oleh institusi berkenaan agar dapat meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan pemberi amanah khususnya dan masyarakat keseluruhan amnya terhadap institusi berkenaan. Artikel ini telah mencadangkan satu senarai item yang perlu didedahkan dalam pelaporan tahunan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Berdasarkan kerangka konseptual akauntabiliti dalam Islam iaitu akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan akauntabiliti kepada masyarakat

keseluruhan serta *maqasid syariah*, senarai item pendedahan yang telah dikumpulkan sebagai satu senarai item pendedahan patuh syariah telah dicadangkan. Senarai item pendedahan yang dicadangkan ini boleh dijadikan garis panduan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal agar pelaporan institusi berkenaan menjadi satu pelaporan yang menepati tuntutan syariah, telus, jelas, tepat serta tidak menimbulkan fitnah dan kekeliruan. Tambahan pula, adalah diharapkan senarai item pendedahan yang dibangunkan ini dapat mengharmonikan pelaporan institusi mentadbir wakaf, zakat dan baitulmal, khususnya di negara ini. Dengan adanya pelaporan sebegini, institusi wakaf, zakat dan baitulmal diharap akan terus menjadi intitusi penting yang dipercayai dan diyakini agar terus dapat menjaga kemaslahatan masyarakat Islam sejagat dan seterusnya dapat menegak dan memelihara kesucian agama Islam.

Dapatan kajian yang dilaporkan dalam artikel ini juga tidak terlepas daripada beberapa limitasi. Antaranya, pandangan yang diperolehi daripada pihak berkepentingan tidak melibatkan keseluruhan kumpulan pihak berkepentingan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. Kajian akan datang boleh mengambil kira pandangan atau cadangan item pendedahan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk kumpulan pembayar zakat, kumpulan penerima zakat, kumpulan pemberi dan pewaris wakaf, kumpulan pengguna perkhidmatan institusi berkenaan serta kumpulan dari pentadbiran kerajaan Negeri. Limitasi lain adalah enakmen kerajaan negeri yang disemak hanya terhad kepada sampel 5 negeri sahaja iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Sabah. Kajian akan datang mungkin boleh membuat semakan enakmen negeri-negeri lain yang berkemungkinan terdapat item-item pendedahan lain yang tidak termasuk dalam senarai item pendedahan yang dicadangkan dalam artikel ini.

Rujukan

- Abdul Rahim, A.R., Daud, M & Yusuf, I. (1999). Current practices and administration of waqf in Malaysia: A preliminary study. *Awqaf Report-Malaysia*.
- Azman A.R. et al. (2012). Zakat institutions in Malaysia: Problems and issues. *Global Journal Al Thaqafah* (Gjat), June 2012, 2(1), 35- 41.
- Baydoun, N. & Willett, R. (1997), "Islam and Accounting: Ethical Issues in the Presentation of Financial Information", *Accounting, Commerce & Finance: The Islamic Perspective*, Vol. 1, No. 1, June 1997, pp.1-25.
- Baydoun, N. & Willett, R. (2000), "The Islamic Corporate Report", *Abacus*, Vol. 36, No. 1, pp.71-90.
- Botosan, C.A., 1997. Disclosure level and the cost of equity capital. *Account. Rev.*, 72(3): 323-349.
- Charity Commission (2007) 'Agenda Paper 3: Analysis and Review of SORP Compliance' SORP
- Cheng, R.H., 1992. An empirical analysis of theories on factors influencing state government accounting disclosure. *J. Account. Public Pol.*, 11(1): 1-42.
- Committee Meeting and Papers*, from: www.charity-commission.gov.uk/library/ap3191007.pdf
- Copeland, R., & Ingram, R. (1983). *Municipal financial reporting and disclosure quality*. Reading, Mass: Addison-Wesley, 1983.
- Hairunnizam, W., Sanep A. & Radiah A.K. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapakah masyarakat Islam tidak berpuashati? 17 (1): 89-112.
- Haniffa, R. & Hudaib, M. (2001), "A Conceptual Framework for Islamic Accounting: The Syariah Paradigm," a Working Paper, International

- Conference on Accounting, Auditing and Finance, Palmerstone North, New Zealand, Unpublished article.
- Haniffa, R.M. (2002), Social Responsibility Disclosure: An Islamic Perspective, *Indonesian Management and Accounting Research Journal*.
- Haniffa, H. & Hudaib, M. (2002), "A Theoretical Framework for the Development of the Islamic Perspective of Accounting", *Accounting, Commerce and Finance: The Islamic Perspective Journal*, Vol.6, No. 1 & 2, June and December, pp.1-71.
- Haniffa, R., Hudaib, M., & Mirza, A. M. (2004). Accounting Policy Choice within the Syariah Islamiiah Framework. *Discussion Papers In Accountancy And Finance, SOBE, University Of Exeter*, 2, 4-19.
- Hisham, Y.(2006). Waqf accounting in Malaysian State Islamic Religious Institutions (SIRC): The case of Federal Territory SIRC. Unpublished Master's Dissertation, International Islamic University of Malaysia, Gombak, Selangor Malaysia.
- Hooks, J., Tooley S. & Basnan, N. (2012). An index of best practice performance reporting for Malaysian local authorities. *Journal of Applied Accounting Research*, 13(13).
- Marston, C.L. & Shrives, 1991. The use of disclosure indices in accounting research: A review article. *Brit.Ac count. Rev.*, 23(3): 195-210
- Nahar, H.S. & Yaacob, H. (2011). "Accountability in the sacred context: the case of management, accounting and reporting of a Malaysian cash awqaf institution". *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(2), 87 - 113.
- Othman, R. & Md Thani, A (2010). Islamic Social Reporting Of Listed Companies In Malaysia International Business & Economics Research Journal Vol 9, No 4
- Patmawati I. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Shariah Journal*, 16(2), 223-244.
- Raedah S., Siti Normala S. O & Sherliza P. N (2015). Towards Developing A Disclosure Index For Malaysian Zakat Institutions.
- Robbins, W.A. and K.R. Austin, 1986. Disclosure quality in governmental financial reports: An assessment of the appropriateness of a compound measure. *J. Account. Res.*, 24(2): 412-421.
- Rosnia M. & Zurina S. (2013) The Development of Waqf Accounting in Enhancing Accountability Middle-East *Journal of Scientific Research* 13 (Research in Contemporary Islamic Finance and Wealth Management), 01-06
- Saunah, Z., Ruhaya, A. & Wah Y.B. (2012). Applying stakeholder approach in developing charity disclosure index. *Archives des sciences*, 65(5).
- Shahul, H., 2000. The need for Islamic accounting: Perception of its objectives and characteristics by Malaysian accountants and academics. Unpublished PhD Thesis, University of Dundee, Dundee, Scotland, UK.
- Sheila Nu Nu Htay & Syed Ahmed Salman (2014). Proposed best practices of financial information disclosure for Zakat institutions: a case study of Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 30, 288-294.
- Siti Rokyah, M.Z. (2005). Determinants of financial reporting practices on waqf by State Islamic Religious Council in Malaysia. Unpublished Master's Dissertation, International Islamic University of Malaysia, Gombak Selangor, Malaysia.

- Sofyan S.H., (2003), "The disclosure of Islamic values – annual report. The analysis of Bank Muamalat Indonesia's annual report", *Managerial Finance*, Vol. 29 Iss 7 pp. 70 – 89
- Sulaiman, M. (2001), "Testing a Model of Islamic Corporate Financial Reports: Some Experimental Evidence", *IJUM Journal of Economics and Management*, International Islamic University of Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Syatibi, Abu Ishaq (1975), *Al-muwafaqat fi ushul al-Syari'ah*, Cairo, al-Maktabah al-Tijaniyah al-Kubra.
- Yaacob, H., Petra, S. H., Sumardi, W. A., & Nahar, H. S. (2012). *Awqaf accounting and reporting for accountability: a case study of Awqaf S*. In *Proceedings of 19th International Business Research Conference*.
- Zaharuddin A.R (2014). *Fikh Kewangan Islam*. PTS: Batu Cave.
- Zaharuddin A. R (2016). *Maqasid Syariah Sebagai Mekanisme Ijtihad Kontemporari*. Artikel dibentangkan di Seminar eksekutif maqasid syariah: konsep asas dan aplikasi semasa dalam perkhidmatan awam Negeri Selangor, 18 Mei 2016, Shah Alam.

LAMPIRAN 1

SENARAI PAKAR

DATUK DR. HARON DIN

Pendidikan

- Ijazah Sarjana (M.A.) Syariah - University Al-Azhar (1966-1968)
- Diploma Pendidikan - 'Ain Shams, University Cairo (1966-1968)
- Ph.D Syariah - Universiti Darul - Ulum Qahirah (1972-1974)

Kerjaya

- Profesor di UKM sejak tahun 1986 hingga bersara
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, CIMB, Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti
- Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Pembangunan dan Public Bank Bhd
- Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, RHB Bank
- Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Muamalah Financial Consulting

DATO' DR. HAILANI MUJI TAHIR

Pendidikan

- Sarjana muda Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1974)
- Sarjana. Ekonomi UKM (1980)
- Ph.D Ekonomi Islam Aberdeen University, Scotland (1984)

Kerjaya

- Professor di UKM (2011 – bersara)
- Panel Perunding Syariah antaranya Affin Islamic Bank Berhad (1995 -2009); PAB Unit Trust Management Berhad (1995- 2010), Permata Merchant Bank Berhad (1995 – 2009).
- Pengerusi Jawatankuasa Zakat Dan Baitul Mal MAIS pada tahun 1988 hingga 1999.
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Waqaf Zakat MAIS pada tahun 2002 hingga 2008.
- Ahli Lembaga Pengarah MAIS Zakat Sdn. Bhd. pada tahun 2005.
- Ahli Jawatankuasa Operasi Agihan Zakat LZS, MAIS.

**DATO' SYED MOHD GHAZALI WAFI
SYED ADWAM WAFI**

Ketua Pegawai Eksekutif, KOPSYA
Angkasa.

Sebelum menyertai KOPSYA, beliau pernah berkhidmat di Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Yayasan Canselor UKM. Beliau merupakan pensyarah bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan Institusi Kewangan Islam, Pasaran Modal Islam, Kontrak Syariah, zakat dan Waqaf. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Syariah bagi organisasi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, KPF, ANGKASA, KBI dan KOPONAS.

**PROF. DR. ABDUL RAHIM ABDUL
RAHMAN****Profesor**

- Fakulti Ekonomi dan Muamalat , Universiti Sains Islam Malaysia
- Beliau juga merupakan felo penyelidikan The International Shari'ah Research Academy in Islamic Finance (ISRA), Malaysia.

- Ahli Kluster Ekonomi dan Kewangan, Majlis Professor Negara.
- Terlibat dalam pengajaran, pembangunan kurikulum dan kajian terutama berkaitan perakaunan Islam dan Kewangan Islam.

DR ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

- Penolong profesor, Kulliyah of Economics and Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Perunding Syariah antaranya FELDA Malaysia, Bank Negara Malaysia, Al-Rajhi Bank Malaysia Berhad, ACR ReTakaful Berhad, Malaysia; ACR MEA Takaful, Bahrain, Siraj Capital Ltd., Jeddah.
- Ahli, Panel Kajian Syariah, Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (JAKIM),
- Penasihat Syariah & Board Member, Al-Naqiy Islamic Solution Sdn. Bhd., Global Islamic Advisory & Consultancy
- Kajian PhD beliau adalah berkaitan Maqasid Syariah dan banyak terlibat dalam penulisan berkaitan fikih muamalat dan *maqasid syariah*.

PUAN AZIZAH ABDULRAHMAN

Pengarah Awqaf Holdings Bhd

EN HAFIDZAMZAHRY OTHMAN

CFO Awqaf Holdings Bhd

LAMPIRAN 2

PEMETAAN SENARAI ITEM PENDEDAHAN DENGAN MAQASID SYARIAH

SENARAI ITEM PENDEDAHAN		MAQASID SYARIAH														
SENARAI ITEM PENDEDAHAN		Agama			Nyawa			Akal			Keturunan			Harta		
SENARAI ITEM PENDEDAHAN		D	H	T	D	H	T	D	H	T	D	H	T	D	H	T
A. MAKLUMAT INSTITUSI																
1 Maklumat Asas Institusi																
a) Struktur organisasi															√	
b) Pengurusan tertinggi															√	
c) Bahagian/Unit/Agensi khusus pentadbiran:																
• Zakat		√			√			√			√			√		
• Wakaf		√			√			√			√			√		
• Baitulmal		√			√			√			√			√		
d) Peranan utama institusi		√			√			√			√			√		
2 Tadbir Urus																
a) Struktur Lembaga Pengarah/Lembaga Pemegang Amanah (termasuk Komposisi, Kelayakan dan		√			√			√			√			√		
b) Skop kerja Ahli Lembaga Pengarah/Lembaga Pemegang Amanah		√			√			√			√			√		
c) Polisi Imbuan kepada Ahli Lembaga Pengarah/Lembaga Pemegang Amanah		√			√			√			√			√		
d) Amaun imbuan mengikut ahli Lembaga Pengarah/Lembaga Pemegang Amanah															√	
e) Polisi anti-korupsi		√			√			√			√			√		
f) Aliran pelaporan institusi zakat, wakaf, baitulmal (mana berkenaan) kepada Majlis Agama Islam		√			√			√			√			√		
g) Pemilikan Majlis Agama Islam dalam institusi zakat, wakaf dan baitulmal (mana berkenaan)		√			√			√			√			√		
3 Urusniaga pihak berkaitan (related party transactions)																
a) Bentuk hubungan antara pihak yang berkaitan																
b) Jenis urusniaga/aktiviti pihak berkaitan yang terlibat																
c) Amaun yang terlibat																
4 Pekerja dan Pekerjaan																
a) Jumlah pekerja mengikut bidang tugas																√
b) Pembangunan pekerja (latihan dan pendidikan)		√			√			√			√			√		
c) Peluang samarata (Equal Opportunities)		√			√			√			√			√		
d) Penglibatan pekerja dalam pembuatan keputusan						√									√	
e) Persekitaran pekerjaan		√			√			√			√			√		
f) Manfaat pekerja (cth. Elaun, Bonus, Perumahan)		√			√			√			√			√		
g) Kod kendalian (code of conduct)/Prosedur operasi piawai (standard operating procedure)											√			√		
5 Jawatankuasa Penasihat Syariah																
a) Ahli Jawatankuasa/Panel Penasihat Syariah		√			√			√			√			√		
b) Kelayakan dan pengalaman ahli		√			√			√			√			√		
c) Skop kerja (Peranan/Tanggungjawab)		√			√			√			√			√		
d) Polisi imbuan kepada ahli		√			√			√			√			√		
e) Amaun imbuan mengikut ahli															√	
f) Pendapat jawatankuasa/panel tentang pematuhan syariah		√			√						√			√		
6 Jawatankuasa Fatwa																
a) Ahli Jawatankuasa Fatwa		√			√			√			√			√		
b) Kelayakan dan Pengalaman ahli		√			√			√			√			√		
c) Skop kerja (Peranan/Tanggungjawab)		√			√			√			√			√		
d) Polisi imbuan kepada ahli		√			√			√			√			√		
e) Amaun imbuan mengikut ahli															√	
7 Jawatankuasa Pengurusan Risiko																
a) Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko		√			√			√			√			√		
b) Kelayakan dan pengalaman Ahli		√			√			√			√			√		
c) Skop kerja (Peranan/Tanggungjawab)		√			√			√			√			√		
d) Polisi imbuan kepada ahli		√			√			√			√			√		
e) Amaun imbuan mengikut ahli															√	
f) Saluran komunikasi di antara Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Audit dan Pegawai															√	
g) Pernyataan tentang jenis risiko yang terlibat		√			√			√			√			√		
8 Kawalan Dalam																
a) Ahli Jawatankuasa Audit		√			√			√			√			√		
b) Kelayakan dan pengalaman J/K Audit		√			√			√			√			√		
c) Skop kerja (peranan dan tanggungjawab J/K Audit)		√			√			√			√			√		
d) Laporan Jawatankuasa Audit, bilangan mesyuarat setahun dan peranannya dalam institusi.		√			√			√			√			√		
e) Komunikasi J/K Audit dengan Lembaga Pemegang Amanah dan pengurusan dan lain-lain pihak berkepentingan															√	
f) Laporan tentang sistem kawalan dalam:		√			√			√			√			√		
• Untuk pastikan amaun zakat yang dikutip diagihkan kepada penerima yang layak dalam tempoh masa yang munasabah																
• Untuk pastikan harta wakaf yang diterima diuruskan / dibangunkan dengan sebaik mungkin																
9 Persekitaran Alam Sekitar																
a) Polisi penjagaan alam sekitar		√			√			√			√			√		

[illegible]

	b) 'Ain wakaf (Nilai dan bentuk) semasa diterima	✓																	
	c) Maklumat tentang bagaimana 'Ain wakaf dikekalkan (penyelenggaraan dan	✓				✓				✓								✓	
	d) Peruntukan untuk penyenggaraan dan ubahsuai harta	✓				✓				✓								✓	
	e) Peruntukan untuk penggantian harta wakaf	✓				✓				✓								✓	
	f) Kos sebenar untuk pengekalan 'Ain wakaf	✓				✓				✓								✓	
	g) Kawalan ke atas penyeliaan dan pengurusan wakaf	✓				✓				✓								✓	
	h) Bentuk pajakan wakaf yang dibenarkan	✓				✓				✓								✓	
4	Istibdal (pertukaran) harta wakaf																		
.																			
	a) Ahli Jawatankuasa	✓				✓				✓								✓	
	b) Kelayakan dan pengalaman ahli jawatankuasa	✓				✓				✓								✓	
	c) Polisi Istibdal	✓				✓				✓								✓	
	d) Jenis dan nilai harta wakaf terlibat istibdal	✓				✓				✓								✓	
5	Pembangunan/pelaburan harta wakaf																		
.																			
	a) Polisi pembangunan/pelaburan harta wakaf	✓				✓				✓								✓	
	b) Jawatan kuasa pembangunan/pelaburan wakaf	✓				✓				✓								✓	
	c) Amaun/nilai wakaf mengikut jenis pembangunan	✓				✓				✓								✓	
	d) Amaun/nilai wakaf mengikut jenis pelaburan	✓				✓				✓								✓	
	e) Nilai semasa harta wakaf mengikut jenis pembangunan/pelaburan																		✓
	f) Pulangan setiap harta wakaf yang dibangunkan/dilaburkan	✓				✓				✓								✓	
D.	MAKLUMAT SUMBER BAITULMAL																		
1	Serlahan Penting																		
.																			
	a) Intipati fatwa semasa berkaitan sumber baitulmal	✓				✓				✓								✓	
	b) Carta/Jadual hasil/terimaan mengikut jenis/ sumber (selain zakat dan wakaf)— tahun semasa dan tahun –tahun																		✓
	c) Carta/Jadual perbelanjaan/bayaran mengikut jenis(selain urusan zakat dan wakaf)— tahun semasa dan tahun-tahun																		✓
	d) Carta/Jadual lebihan/kurangan hasil keseluruhan— tahun semasa dan tahun-tahun kebelakang																		✓
	e) Laporan tentang pencapaian objektif pengurusan baitulmal	✓				✓				✓								✓	
2	Hasil/Terimaan dan Perbelanjaan/Bayaran Baitulmal																		
.																			
	a) Amaun hasil/terimaan mengikut jenis/sumber	✓				✓				✓								✓	
	b) Amaun terimaan dari sumber yang merakutkan	✓				✓				✓								✓	
	c) Amaun perbelanjaan/bayaran mengikut jenis	✓				✓				✓								✓	
E.	PENYATA KEWANGAN																		
1	Penyata Berasingan Kumpulan Wang Zakat (termasuk nota kepada akaun)	✓				✓				✓				✓				✓	
.																			
	a) Kutipan zakat sebagai terimaan (bukan sebagai hasil)	✓				✓				✓				✓				✓	
	b) Agihan zakat sebagai pembayaran (bukan sebagai belanja)	✓				✓				✓				✓				✓	
	c) Amaun zakat belum agih	✓				✓				✓				✓				✓	
2	Penyata Berasingan Kumpulan Wang Wakaf (termasuk nota kepada akaun)	✓				✓				✓				✓				✓	
.																			
	a) Prestasi kewangan (Hasil dan belanja/agihan)	✓				✓				✓				✓				✓	
	b) Kedudukan kewangan (aset, liabiliti, kumpulan wang wakaf)	✓				✓				✓				✓				✓	
	c) Aliran tunai kumpulan wang wakaf	✓				✓				✓				✓				✓	
	d) Perubahan kumpulan wang wakaf	✓				✓				✓				✓				✓	
	e) Perincian harta wakaf (termasuk lokasi, saiz, nilai, tujuan	✓				✓				✓				✓				✓	
3	Penyata Berasingan Kumpulan Wang Baitulmal (termasuk nota kepada akaun)	✓				✓				✓				✓				✓	
.																			
	a) Prestasi kewangan (hasil dan belanja)	✓				✓				✓				✓				✓	
	b) Kedudukan Kewangan (aset, liabiliti dan ekuiti)	✓				✓				✓				✓				✓	
	c) Aliran Tunai	✓				✓				✓				✓				✓	
	d) Perubahan Ekuiti	✓				✓				✓				✓				✓	
4	Penyata Prestasi Kewangan MAIN (termasuk nota kepada akaun)	✓				✓				✓				✓				✓	
.																			
	a) Amaun hasil mengikut sumber hasil	✓				✓				✓				✓				✓	
	b) Pengasingan sumber hasil yang merakutkan	✓				✓				✓				✓				✓	
	c) Amaun perbelanjaan mengikut jenis perbelanjaan	✓				✓				✓				✓				✓	
	d) Lebihan/Kurangan Hasil	✓				✓				✓				✓				✓	
5	Penyata Kedudukan Kewangan MAIN (termasuk dalam nota kepada akaun)	✓				✓				✓				✓				✓	
.																			
	a) Aset mengikut klasifikasi semasa dan bukan semasa (pada kos sejarah)	✓				✓				✓				✓				✓	
	b) Pengasingan aset tunai/bank untuk zakat, wakaf dan	✓				✓				✓				✓				✓	
	c) Pengasingan harta wakaf (aset bukan semasa)	✓				✓				✓				✓				✓	
	d) Aset bukan semasa mengikut jenis aset	✓				✓				✓				✓				✓	
	e) Liabiliti mengikut klasifikasi semasa dan bukan semasa	✓				✓				✓				✓				✓	
	f) Ekuiti	✓				✓				✓				✓				✓	
	g) Baki kumpulan wang zakat dan wakaf sebagai liabiliti (bukan sebagai ekuiti)	✓				✓				✓				✓				✓	
6	Penyata Aliran Tunai MAIN (termasuk dalam nota kepada akaun)	✓				✓				✓				✓				✓	
.																			
	a) Aliran masuk tunai dari setiap sumber pendapatan	✓				✓				✓				✓				✓	
	b) Aliran keluar tunai dari aktiviti operasi	✓				✓				✓				✓				✓	
	c) Aliran keluar tunai untuk aktiviti ipelaburan.	✓				✓				✓				✓				✓	
	d) Aliran tunai bersih semasa	✓				✓				✓				✓				✓	
	e) Baki tunai awaltahun	✓				✓				✓				✓				✓	
	f) Baki tunai akhir tahun	✓				✓				✓				✓				✓	
7	Penyata Perubahan Ekuiti MAIN (termasuk dalam nota kepada akaun)	✓				✓				✓				✓				✓	
.																			

	a)	Kutipan zakat sebagai terimaan (bukan sebagai hasil)	√			√			√			√			√				
	b)	Aghian zakat sebagai pembayaran (bukan sebagai belanja)	√			√			√			√			√				
	c)	Amaun zakat belum aghih	√			√			√			√			√				
2		Penyata Berasingan Kumpulan Wang Wakaf (termasuk nota kepada akaun)	√			√			√			√			√				
	a)	Prestasi kewangan (Hasil dan belanja/agihan)	√			√			√			√			√				
	b)	Kedudukan kewangan (aset, liabiliti, kumpulan wang wakaf)	√			√			√			√			√				
	c)	Aliran tunai kumpulan wang wakaf	√			√			√			√			√				
	d)	Perubahan kumpulan wang wakaf	√			√			√			√			√				
	e)	Perincian harta wakaf (termasuk lokasi, saiz, nilai, tujuan)	√			√			√			√			√				
3		Penyata Berasingan Kumpulan Wang Baitulmal (termasuk nota kepada akaun)	√			√			√			√			√				
	a)	Prestasi kewangan (hasil dan belanja)	√			√			√			√			√				
	b)	Kedudukan Kewangan (aset, liabiliti dan ekuiti)	√			√			√			√			√				
	c)	Aliran Tunai	√			√			√			√			√				
	d)	Perubahan Ekuiti	√			√			√			√			√				
4		Penyata Prestasi Kewangan MAIN (termasuk nota kepada akaun)	√			√			√			√			√				
	a)	Amaun hasil mengikut sumber hasil	√			√			√			√			√				
	b)	Pengasingan sumber hasil yang meragukan	√			√			√			√			√				
	c)	Amaun perbelanjaan mengikut jenis perbelanjaan	√			√			√			√			√				
	d)	Lebihan/Kurangan Hasil	√			√			√			√			√				
5		Penyata Kedudukan Kewangan MAIN (termasuk dalam nota kepada akaun)	√			√			√			√			√				
	a)	Aset mengikut klasifikasi semasa dan bukan semasa (pada kos sejarah)	√			√			√			√			√				
	b)	Pengasingan aset tunai/bank untuk zakat, wakaf dan	√			√			√			√			√				
	c)	Pengasingan harta wakaf (aset bukan semasa)	√			√			√			√			√				
	d)	Aset bukan semasa mengikut jenis aset	√			√			√			√			√				
	e)	Liabiliti mengikut klasifikasi semasa dan bukan semasa	√			√			√			√			√				
	f)	Ekuiti	√			√			√			√			√				
	g)	Baki kumpulan wang zakat dan wakaf sebagai liabiliti (bukan sebagai ekuiti)	√			√			√			√			√				
6		Penyata Aliran Tunai MAIN (termasuk dalam nota kepada akaun)	√			√			√			√			√				
	a)	Aliran masuk tunai dari setiap sumber pendapatan	√			√			√			√			√				
	b)	Aliran keluar tunai dari aktiviti operasi	√			√			√			√			√				
	c)	Aliran keluar tunai untuk aktiviti pelaburan.	√			√			√			√			√				
	d)	Aliran tunai bersih semasa	√			√			√			√			√				
	e)	Baki tunai awal tahun	√			√			√			√			√				
	f)	Baki tunai akhir tahun	√			√			√			√			√				
7		Penyata Perubahan Ekuiti MAIN (termasuk dalam nota kepada akaun)	√			√			√			√			√				
	a)	Baki awal tahun lepas	√			√			√			√			√				
	b)	Lebihan/kurangan tahun lepas	√			√			√			√			√				
	c)	Baki akhir tahun lepas	√			√			√			√			√				
	d)	Baki awal tahun semasa	√			√			√			√			√				
	e)	Pelarasan tahun lepas	√			√			√			√			√				
	f)	Lebihan/kurangan tahun semasa	√			√			√			√			√				
	g)	Baki akhir tahun semasa	√			√			√			√			√				
F		MAKLUMAT BELANJAWAN	√			√			√			√			√				

Nota: Darjah Keutamaan

D – Darruriyat

H- Hajjiyat

T- Tahsiniyat